

Kerajaan tak pernah abai kemajuan Sabah, Saiawak

UM - 9 AUG 2003

Oleh MOHD. RADZIMOH. ZIN

KOTA KINABALU 8 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak pernah mengabaikan kemajuan di Sabah dan Sarawak bagi memastikan kedua-dua negeri setanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, Sabah dan Sarawak dibri peruntukan yang lebih besar dalam usaha meningkatkan kemajuan sedikit demi sedikit.

"Sebenarnya peruntukan untuk Sabah adalah kedua terbesar di seluruh Malaysia, yang terbesar ialah Sarawak.

"Jadi kita tidak pernah abaikan negeri Sabah dan Sarawak walaupun jauh dari ibu negara Kuala Lumpur dan terpisah oleh lautan," katanya yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Kongres ke-9 Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) di Pu-

sat Kebudayaan Sabah, Penampang di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Musa Aman dan Presiden UPKO merangkap Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok.

Dr. Mahathir berkata, atas sebab itu, kadangkala Sabah mencapai kemajuan yang lebih pesat daripada Semenanjung contohnya dalam pembinaan makmal komputer.

Katanga, kemajuan lebih pesat kerana di Semenanjung hampir semua makmal komputer runtuh, tetapi di Sabah tidak ada satupun yang runtuh.

"Ini bukan sahaja membuktikan kecekapan mereka yang melaksanakan projek tetapi wakil rakyat Sabah, mereka rela membiarkan pegawai-mententukan pembangunan dengan sedikit sebanyak nasihat daripada mereka dengan tidak ada gangguan sama sekali.

"Dengan itu, maka projek ini dapat dilaksanakan dengan begitu baik. Demikian juga dengan sekolah-sekolah yang baru siap dibina begitu in-

dah yang kelihatan lebih seperti resort," jelas beliau.

Dr. Mahathir berkata, segala kemudahan yang ada sekarang ini adalah kelebihan daripada sistem BN yang selalu mendengar rintihan semua parti komponen dan dapat memberi layanan yang saksama.

Katanya, BN adalah parti politik campuran yang mempunyai keahlian yang berlainan, bahasa, budaya dan agama yang berbeza, tetapi dapat menvelesaikan masalah melalui pakatan dan runciangan.

"Kita tidak berkonfrontasi, bermusuhan sebaliknya lebih rela duduk bersama di sekeliling meja untuk berbincang masalah-masalah kita.

"Dalam perbincangan ini kita bersikap sederhana, toleransi dan sensitif terhadap masalah masing-masing, kadang-kadang dapat apa yang diminta kadang-kadang tidak.

"Tetapi kita sanggup menerima bahawa keputusan yang dibuat secara rundingan ini yang mengambil kira pandangan semua pihak adalah keputusan yang baik dan bijak," tambahnya.